

KHUTBAH JUMAAT

“PENGHAYATAN RAMADHAN DI AIDILFITRI”

(15 Jun 2018M/ 01 Syawal 1439H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تَبَيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala yang ditegahNya. Semoga kita termasuk dalam kalangan hambaNya yang berbahagia di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “***Penghayatan Ramadhan Di Aidilfitri***”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita baru sahaja melalui tarbiah Ramadhan yang merupakan suatu proses dalam melahirkan hamba Allah yang benar-benar bertaqwa. Semoga segala amalan soleh kita diterima dan dosa kita pula diampunkan. Sepanjang bulan Ramadhan kita telah dilatih untuk melaksanakan amal ibadah bukan sahaja dalam kuantiti atau

bilangan yang banyak, malah dengan menjaga kualitasnya iaitu dari segi keikhlasan dan keredhaan hati.

Sesungguhnya, tujuan dan hikmah di sebalik segala amal ibadah kita sepanjang bulan Ramadhan adalah satu dorongan untuk diri kita. Dorongan agar istiqamah meneruskan amal-amal soleh hasil daripada tarbiah Ramadhan pada bulan-bulan mendatang. Sudah tentu istiqamah itu sebagai usaha kita mencari keredhaan Allah *subhanahu wa ta'ala* pada setiap masa sepanjang hayat kita.

Mengetahui pentingnya istiqamah, maka beberapa perkara yang berikut, boleh kita lakukan untuk memiliki sifat *istiqamah*, antaranya:

- 1) Memahami dan mengamalkan tuntutan dua kalimah syahadah dengan sebenar-benarnya. Apabila seseorang itu tidak mengenali Allah dan menjauhkan diri daripada mentaati segala perintah dan laranganNya, akan menjadikan manusia itu tidak kenal siapa dirinya dan hikmah dia dijadikan.
- 2) Sentiasa mengkaji al-Qur'an dengan menghayati dan beramal sesuai dengan ajarannya. Ini kerana, al-Quran adalah penawar dan penyembuh kepada penyakit zahir dan batin.
- 3) Berterusan dalam menjalankan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi segala larangan-Nya. Imam Muslim *rahimahullah* meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

“Sesungguhnya amalan yg paling disukai Allah, adalah amalan yg dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit....”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

4) Gemar membaca kisah-kisah orang soleh sehingga boleh dijadikan ikutan dan teladan. Al-Qur’an banyak menceritakan kisah-kisah para nabi dan rasul *alaihimus salam* dan orang-orang yang beriman. Firman Allah *subhanahu wata’ala* dalam surah Hud, ayat 120 :

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ
وَذِكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

Maksudnya : *Dan tiap-tiap kisah dari Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menetapkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman.*

5) Memperbanyakkan doa kepada Allah *subhanahu wata’ala* agar dianugerahkan sifat istiqamah. Antara doanya ialah :

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

Maksudnya: *“Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, tetapkan hatiku di atas agama-Mu”*

6) Sentiasa bergaul dengan orang-orang soleh yang membawa ke arah kebaikan. Justeru, jauhilah tempat atau perkara yang mendorong kepada kemaksiatan. Nabi *sallallahu alaihi wasallam*

bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari *rahimahullah*, maksudnya :

((*Bersahabat dengan orang yang soleh dan dengan orang yang jahat seumpama berkawan dengan pengedar minyak wangi dan tukang besi (yang menghembus bara api). Pengedar minyak wangi sama ada dia memberi anda sebahagian atau anda membeli bau-bauan daripadanya atau sekurang-kurangnya anda mendapat juga baunya. Manakala tukang besi pula sama ada dia menyebabkan baju anda terbakar atau anda mendapat bau yang hapak*)).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam menggalakkan kita untuk berkasih sayang dan menyuburkan budaya ilmu. Sesungguhnya dengan ilmu, kita dapat menghayati amalan dan adab berhari raya, manakala kasih-sayang dapat dipupuk melalui amalan ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi sesama kita. Kasih sayang mampu menambahkan rezeki dan memanjangkan umur kita sebagaimana sabda nabi dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim *rahmatullahi alaihim* :

((*مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ*))

Maksudnya : “Sesiapa yang mahu diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menghubungkan silaturrahim”

Imam Ibnu Hajar *rahimahullah* pernah menyebut bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* apabila disebut tentang hadis ini

dihadapannya lalu baginda *sallallahu alaihi wasallam* menjelaskan dengan hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Imam at-Tabarani yang bermaksud :

((*la bukan bermaksud dilewatkan ajal tetapi ia bermaksud seseorang itu diberikan zuriat yang soleh yang sentiasa berdoa untuknya selepas kematiannya*)).

Biarpun pendek umurnya, namun pahalanya berterusan melalui doa anak yang soleh, sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat. Imam Ibnu Hajar *rahimahullah* turut menjelaskan amalan silaturrahim mampu memberi keberkatan umur dengan diberi taufiq untuk melakukan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan dipelihara daripada melakukan maksiat. Melalui keberkatan silaturrahim menyebabkan kebaikan seseorang itu terus dikenang selepas kematiannya dengan kehendak Allah *subhanahu wata'ala*. Oleh itu, gunakanlah kesempatan hari yang mulia ini untuk menghubungkan silaturrahim sesama kita. Imam at-Tirmizi *rahimahullah* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

لَا تَزُولُ قَدَمَا الْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ أَرْبَعٍ : عَنْ عُمْرِهِ فِيْمَا أَفْنَاهُ، وَعَنْ شَبَابِهِ فِيْمَا أَبْلَاهُ، وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيْمَا أَنْفَقَهُ، وَعَنْ عِلْمِهِ مَاذَا عَمِلَ فِيهِ — رواه الترمذي

Maksudnya : *Kedua-dua kaki seorang manusia itu tidak akan berganjak sedikit pun pada hari kiamat sehingga ditanya tentang 4 perkara iaitu : 1) tentang umur, bagaimana ia habiskan, 2) tentang*

masa muda ke mana dia pergunakan, 3) tentang hartanya, dari mana diperolehi dan bagaimana dibelanjakan dan 4) tentang ilmunya, apakah yang dibuat dengannya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kedatangan hari raya ini, memberi peluang kepada kita untuk berkumpul dan bertemu dengan ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai. Pertemuan ini pastinya digunakan sebaik mungkin dalam merapatkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan. Pastinya bukan hari ini sahaja kita inginkan dapat berhimpun bersama mereka untuk menyambut hari raya sebaliknya kita mahu turut bersama dengan mereka untuk menikmati nikmat Syurga Allah di akhirat kelak.

Ingatlah bahawa untuk memasuki Syurga Allah tidak cukup setakat dengan angan-angan tetapi mesti dengan ilmu dan pengamalan agama dalam kehidupan seharian. Oleh itu pastikan diri kita, ahli keluarga, jiran tetangga, teman-teman dan sesiapa sahaja yang kita sayangi sentiasa melaksanakan kewajipan agama dan menjauhi tegahan Allah. Sesungguhnya, tarbiah Ramadhan banyak mendidik kita supaya menjauhi segala yang haram, malah mengawal segala anggota yang lain daripada melakukan maksiat atau derhaka terhadap Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ^ج وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya : Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

(Surah Al-Hujurat : ayat 10)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada semua dan setiap pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga semua pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera. Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat. Suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti yang mulia, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

Pada hari yang mulia ini juga, kami memohon kepada-Mu ya Allah, supaya Engkau kurniakan kepada kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, khususnya di kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami. Kami memohon kepadamu ya Allah, jadikanlah setiap individu generasi muda ini golongan yang beramanah, bertanggungjawab, dan berakhlak mulia agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang baik, aman dan bertamadun, serta mendapat keampunan, keredhaan dan berkat daripadaMu, ya Allah. Peliharalah kami serta generasi yang mewarisi kami, daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.